

Bahani Bin Samin.
Lot 1439, Jalan Ros, Batu 7, Kampung Ijok, 45620 BESTARI JAYA.
Selangor Darul Ehsan.

17hb Oktober 2016 bersamaan 16 Muharam 1438 Hijrah

YANG DIMULIAKAN
DATO' MUHAMMAD IBRAHIM
BANK NEGARA MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
P.O BOX 10922
50929 KUALA LUMPUR.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

COMMITTEE 300 : PEMBATALAN KUASA PENGURUSAN DANA MULAI 8 JULAI 2016

Kuasa pengurusan Dana Raja-Raja Melayu dan Dana Raja-Raja Nusantara diserahkan kepada Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu.

2. DYMM Sultan Johor, DYMM Sultan Terengganu dan DYMM Sultan Kelantan memiliki mandate bagi mengurus dana dengan Institusi Kewangan Dunia.
3. Tatacara pengurusan/pembayaran;
 - i. Dari Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu kepada
 - ii. Kerajaan Malaysia dan
 - iii. Al-Basri Holding Sendirian Berhad
4. Apa jua aktiviti dan kutipan wang oleh pihak Committee 300 adalah tidak sah dan tiada kaitan dengan pihak kami.
5. Semua surat menyurat berkaitan Committee 300 kepada pihak Tuan dianggap batal kerana keengganan Committee 300 memperolehi kuasa dimiliki Pemegang Amanah yang sebenar.
6. Diharap kerjasama dan jasa baik diberikan pihak BNM di dalam perkara ini dapat membantu seluruh ummah.

شكرا كثيرا وبارك الله فيكم

Saya yang menurut perintah



Bahani Bin Samin

Bahani Bin Samin.
Lot 1439, Jalan Ros, Batu 7, Kampung Ijok, 45620 BESTARI JAYA.
Selangor Darul Ehsan.

28hb Disember 2016 bersamaan 28 Rabiul Awwal 1438 Hijrah

C-G

YANG DIMULIAKAN
DATO' MUHAMMAD IBRAHIM
BANK NEGARA MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
P.O BOX 10922
50929 KUALA LUMPUR.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PERLEPASAN ATAU PEMBAYARAN PERUNTUKAN TAHUN 201

Sebagai pewaris 4 Kitab wahyu dan Perbendaharaan Khalifah Al Mahdi AS (Malikul Muqsit) dengan hormatnya memohon jasa baik pihak Tuan untuk memberikan kerjasama sewajarnya berhubungkait perkara yang tersebut di atas.

Pelepasan atau pembayaran dibuat seperti berikut;

Akaun Amanah Jemaah Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu berjumlah RM 13,000,000,000,000.00 untuk

- I. Kerajaan Malaysia berjumlah RM 1,140,000,000,000.00 (18% daripada jumlah keseluruhan)
- II. 9 Raja-Raja Melayu berjumlah RM 9,000,000,000,000.00 (RM 1,000,000,000,000.00 kepada setiap Sultan yang memerintah)
- III. RM 100,000.00 kepada semua kakitangan BNM
- IV. AL-BASRI Holding Sdn.Bhd akaun no Bank Islam Berhad:12-065-01-004876-2 (Akaun Utama Dagil digunakan dan kebaikan untuk dimanfaatkan kepada Ummah) Baki terakhir selepas agihan berjumlah RM 1,614,000,000,000.00 (anggaran).

Diharap kerjasama dan jasa baik diberikan pihak BNM di dalam perkara ini dapat membantu seluruh ummah.

شكرا كثيرا ولله الحمد

Saya yang menurut perintah



Bahani Bin Samin

Bahani Bin Samin.
Lot 1439, Jalan Ros, Batu 7, Kampung Ijok, 45620 BESTARI JAYA,
Selangor Darul Ehsan.

hb Febuari 2017 bersamaan Jamadil Awwal 1438 Hijrah

YANG DIMULIAKAN
DATO' MUHAMMAD IBRAHIM
BANK NEGARA MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
P.O BOX 10922
50929 KUALA LUMPUR.



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

DANA TUNAI DAN SECURITY BONDS USD 3, 117, 802, 373, 064, 338, 000.00 NUSANTARA ISLAMIC HERITAGE FUND

Saya sebagai Absolute Beneficiary Tabung/Simpanan Harta Raja-Raja Melayu Islam Nusantara dan Pewaris Perbendaharaan Khalifah Al-Mahdi Alaihi Salam atau Walikul Maqsit.

2. Memohon jasa baik pihak Dato' menyediakan dokumen pengeluaran dan pelepasan dana tersebut bagi ditandatangani/perkenan;

- DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong DYMM Sultan Muhammad ke V bagi pihak Majlis Raja-Raja Melayu.
- Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib yang mewakili pihak Bank Negara Malaysia dan pihak Kerajaan Malaysia.

3. Pengeluaran dan pelepasan PEKLO dilakukan pada tahun 2017 ini atau sebelum tahun 2018. Pelupusan sistem kewangan sedia ada bakal berlaku mulai 2018 apabila Pemerintahan Khalifah Al-Mahdi Alaihi Salam ditegakkan di Kota Mekah pada akhir tahun 2017.

4. Fizikal emas dan perak digunakan pada fasa awal Pemerintahan Khalifah untuk semua urusaniaga atau transaksi sehingga sistem kewangan Islam berasaskan Dinar Emas dan Perak sedia dikuatkuasakan.

5. Agihan Dana Tunai dan Security Bonds;

- | | | |
|------|--|---|
| i. | Kerajaan Malaysia | (18% dari jumlah keseluruhan) |
| ii. | 13 Majlis Diraja dan Yang Dipertua | : USD 13, 000, 000, 000, 000.00
(Bagi setiap majlis) |
| iii. | Syarikat Beneficiary Akaun amanah – rujuk lampiran | : USD 13, 000, 000, 000, 000.00 |

Bahani Bin Samin.
Lot 1439, Jalan Ros, Batu 7, Kampung Ijok, 45620 BESTARI JAYA.
Selangor Darul Ehsan.

-
- | | | |
|-----|--|---|
| iv. | Kerajaan Brunei Darussalam | : USD 13, 000, 000, 000, 000.00
(Bank Pusat Negara Brunei) |
| v. | Kerajaan Indonesia | : USD 30, 000, 000, 000, 000, 000.00
(Bank Pusat Republik Indonesia) |
| vi. | Negara-negara Islam dan
Bukan Islam Dunia | : Jumlah USD diperlukan/dipohon
(Bank Pusat semua negara tersebut) |

Diharap kerjasama dan jasa baik diberikan pihak BNM di dalam perkara ini dapat membantu seluruh ummah.

شكرا كثيرا وبارك الله فيكم

Saya yang menurut perintah



Bahani Bin Samin

BNM SCAM ALERT

LAMPIRAN B

A. Penerima Agihan Dana/Bond

BIL	PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Kerajaan Malaysia	18% dari Jumlah Keseluruhan
2.	13 Majlis Diraja dan Yang Dipertua Negeri	USD 13, 000, 000, 000, 000.00

B. Akaun Amanah Beneficiary

1.	Nama Syarikat	Al-Basri Holding Sdn. Bhd
2.	Comp. ID	1189733 - X
3.	Akaun Amanah	Bank Islam : 12-655-01-004876-2
4.	Pengarah (Beneficiary)	Bahani bin Samin
5.	Jumlah	USD 13, 000, 000, 000, 000.00

C. Agihan Luar Negara (Bank Pusat Negara Terlibat)

BIL	PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Brunei Darussalam	USD 13, 000, 000, 000, 000.00
2.	Republik Indonesia	USD 30, 000, 000, 000, 000, 000.00
3.	Lain-lain Negara Islam	- Jumlah yang diperlukan -
4.	Lain-lain Negara Bukan Islam	- Jumlah yang diperlukan -



C/O: StanleyCO Corporate Services Sdn Bhd N0 15, 6th Floor IOI
Business Park, Bandar Puchong Jaya, Selangor Darul Ehsan.

The Art of Giving is the soul of living

Rujukan Kami: ABHSB/001-1-3/1/BNM/21/3/2017

Tarikh : 21hb Mar 2017 bersamaan 22 Jamadil Akhir 1438H

Dato' Seri Muhammad Ibrahim

Gabenor Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

P.O BOX 10922

50929



Ybhg Dato' Seri,

PENGELUARAN DAN PELEPASAN DANA ABSOLUTE BENEFICIARY TABUNG/SIMPANAN HARTA RAJA-RAJA MELAYU ISLAM NUSANTARA DAN PEWARIS PERBENDAHARAAN KHALIFAH AL-MAHDI ALAIHI SALAM ATAU MALIKUL MUQSIT

Merujuk kepada perkara di atas dan surat yang dihantar kepada Dato' Seri bertarikh 2hb Ogos 2016 dan 9hb Feb 2017.

2. Disertakan dalam surat ini Lampiran Lembaga Pengarah Al Basri Holding Sdn. Bhd, Yayasan Nadi Nusantara dan Peranan Pemain Koporat (sila rujuk Lampiran A)

3. Al Basri Holding Sdn. Bhd telah bersedia untuk menjalankan tugas-tugas seperti yang diarahkan. Merujuk kepada surat bertarikh 2hb Ogos 2016, diampirkan bersama-sama dalam surat ini penyaluran dan pembayaran peruntukan untuk Projek Penerima Amanah dalam bentuk *Angel Investment* berkonsepkan wakaf (sila rujuk Lampiran B).Oleh itu surat bertarikh 2hb Ogos 2016 terbatal.

4. Disertakan juga dalam surat ini lampiran Terma dan Syarat penerimaan pelaburan berkonsepkan wakaf dalam bentuk *Angel Investment*. (sila rujuk Lampiran C)

5. Sebagai rujukan surat bertarikh 9hb Feb 2017, juga disertakan bersama-sama lampiran Pengurusan Kewangan Korporat Al Basri Holding Sdn. Bhd. Sila rujuk jadual 1 di bawah untuk projek berbentuk *Angel Investment Equity 51/49*

CODE	DESCRIPTION	Total Project Allocated Budget (RM)
ITD 1 AE	Royal Nusantara Always (RNA)	400,000,000,000.00
ITD 2 AE	University Of Islamic Technology And Civilization (UNITAC)	13,500,000,000.00
ITD 3 AE	AR RUMAH Hotel And Resort (Will be an operation office for MNF)	10,000,000.00
ITD 4 AE	Al Basri Hospital (Proposed to build at a nearest location of MNF Office)	100,000,000,000.00
ITD 5 AE	Al Basri Commerce City Development (ISLAMIC CITY Project Proposed by Yayasan Al-Jenderani)	90,000,000,000.00
ITD 6 AE	Project Implementation Strategy Capability Statement: Sabah Oil & Gas Industrial Park (SOGIP)	49,775,000,000.00
ITD 8 AE	Gedung Makanan Negara (GMN)	13,832,000,000.00
ITD 9 AE	Biogas Plant	5,120,000,000.00
ITD 10 AE	Ocean Thermal Energy Conversion (OTEC)	166,950,000,000.00
ITD 11 AE	Property And Land (As To Increase the Bumiputra's Ownership Percentage)	88,225,000,000.00
ITD 12 AE	Research and Development Collaborations with University	10,000,000,000.00
	TOTAL	877,412,000,000.00
CODE	DESCRIPTION	Total Project Allocated Budget (RM)
ITD 4 AE	SEALANDAIR LOGISTIC (Transportation Provider for Sea/Air Freight and Al Basri's Property Management)	70,000,000,000.00
	TOTAL	947,412,000,000.00

Jadual 1:
Angel Investment Equity 51/49



C/O: StanleyCO Corporate Services Sdn Bhd NO 15, 6th Floor IOI
Business Park, Bandar Puchong Jaya, Selangor Darul Ehsan.

6. Untuk pengetahuan pihak Dato' Seri segala perancangan pengagihan sepenuhnya dana yang akan disalurkan ke Al Basri Holding Sdn. Bhd. secara pelaburan telah pun diaturkan, di mana Prosedur Operasi Standard "SOP" pengagihan dana telah pun siap sepenuhnya, bagi memastikan segala pelan perancangan yang dibuat tidak tersasar dari pelan perancangan asal yang dirancang.

7. Pihak Kewangan dan Operasi Al Basri Holding Sdn. Bhd. telah bersedia sepenuhnya untuk menerima dana yang dimaklumkan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk kegunaan pelaburan projek yang telah pun dikenalpasti. Untuk pengetahuan pihak Dato' Seri, akaun Syarikat Al Basri Holding Sdn. Bhd. (1189733-X) adalah Bank Islam Malaysia Berhad no akaun 12065010048762. Pihak Kewangan Al Basri Holding Sdn. Bhd. juga telah menerima sistem e-banker Bank Islam Malaysia Berhad.

8. Secara amnya pihak Bank Islam Malaysia Berhad telah pun dimaklumkan akan penerimaan dana yang telah dimaklumkan sebelum ini ke akaun Syarikat Al Basri Holding Sdn. Bhd dan ia sudahpun dimaklumkan ke Pengurus Cawangan Bank Islam Malaysia Berhad cawangan Taipan Subang Jaya.

9. Pihak Dato' Seri boleh berhubung dengan saya Bahani Bin Samin No K/P 570515-10-6-99 ditalian 017-3708201 atau mana-mana pemegang amanah Al Basri Holding Sdn. Bhd. seperti di bawah untuk makluman seterusnya,

- I. Dr. Ery Sudirman Bin Basri no K/P 680601-10-7201 ditalian 011-9631019
- II. Tuan Haji Fisol Ismail no K/P 560813-02-5199 ditalian 011-0192428337
- III. LT (B) TUDM Abdul Razak Noordin K/P 570515-10-6-99 ditalian 010-5368229

10. Untuk melancarkan lagi Pengurusan Al Basri Holding Sdn. Bhd., pihak kami memerlukan juga khidmat nasihat dari:

- a) Majlis Raja-Raja Melayu Malaysia
- b) Bank Negara Malaysia
- c) Kementerian Kewangan Malaysia
- d) Bank Islam Malaysia Berhad.

Jika ia diperlukan, bagi memastikan ia selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Majlis Raja-raja Melayu Malaysia secara umumnya.

10. Pihak saya berharap dengan adanya penerangan yang diberikan dapatlah saluran dana yang telah disebutkan sebelum ini, disalurkan secepat yang mungkin bagi menaikan taraf ekonomi orang-orang Islam dan Malaysia secara amnya juga Dunia secara umumnya.

Sekian Terima Kasih

Al Basri Holding Sdn. Bhd

Encik Bahani Bin Samin
Penasihat/Penasihat Kewangan
Al Basri Holding Sdn. Bhd.



POLIS DIRAJA MALAYSIA

REPOT POLIS

Balai : GOMBAK
 Daerah : GOMBAK
 Kontinjen : SELANGOR
 No Repot : DANG WANGI/010348/17
 Tarikh : 19/04/2017
 Waktu : 0001 AM
 Bahasa Diterima : B. Malaysia

Butir-butir Penerima Repot

Nama : ABDUL ARIF FARHAN BIN ABDUL RAZAK No Personel : R197623 Pangkat : KONST/P
 Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada)
 Nama : --- No K/P (Baru) : --- No Polis/Tentera: ---
 No Paspot: --- Bahasa Asal : ---
 Alamat: ---

Butir-butir Pengadu

Nama : [REDACTED]
 No K/P (Baru) [REDACTED] No Polis/Tentera : --- No Paspot : ---
 No Sijil Beranak : ---
 Jantina : Lelaki Tarikh Lahir : [REDACTED] Umur : 26 tahun 7 bulan
 Keturunan : Melayu Warganegara : Malaysia
 Pekerjaan : PEGAWAI BANK
 Alamat Tempat Tinggal : [REDACTED]
 [REDACTED]
 Alamat Ibu/Bapa : ---
 Alamat Pejabat : ---
 No Tel (Rumah) : --- No Tel (Pejabat) : --- No Tel (HP) : [REDACTED]
 Emel : ---

Pengadu Menyatakan:-

DI SALINAN DARI PENDRIVER PENGADU

Bank Negara Malaysia BNM telah menerima empat keping surat berserta dokumen sokongan daripada individu bernama Bahani bin Samin NRIC 570516-01-7183 (subjek) yang mengaku sebagai Penasihat/Penasihat Kewangan Al Basri Holdings Sdn Bhd. Salinan surat-surat tersebut disertakan bersama laporan polis ini

Berdasarkan kandungan surat-surat tersebut, subjek mendakwa terdapat sejumlah dana yang berada dibawah kawal selia BNM telah diamanahkan kepadanya selaku individu dipertanggungjawabkan dan perlu disalurkan kepada pihak-pihak tertentu untuk tujuan pembangunan sejagat seperti berikut :

Surat Pertama 17/10/2016

Perkara : Committee 300: Pembatalan Kuasa Pengurusan Dana Mulai 8 Julai 2016

Kandungan : Kaedah pengurusan dana raja-raja melayu dan nusantara dan pembatalan perantikan Committee 300.
Surat Kedua 28/12/2016

Perkara : Pelepasan atau Pembayaran Peruntukan Tahun 2016

Kandungan : Mendakwa sebagai pewaris 4 Kitab Wahyu dan Perbendaharaan Khalifah Al-Mahdi AS dan memohon sejumlah bayaran dibuat kepada empat pihak termasuk Al-Basri Holding Sdn Bhd melalui akaun Bank Islam Berhad bernombor 12-065-01-004876-2 sebanyak RM1 614 000 000 000.00.

Surat Ketiga 9/02/2017

Perkara : Dana Tunai dan Security Bond USD 3 117 802 373 064 338 000.00 Nusantara Islamic Heritage Fund

Kandungan : Mendakwa sebagai Absolute Beneficiary Tabung/Simpanan Harta Raja-Raja Melayu Islam Nusantara dan Pewaris Perbendaharaan Khalifah Al-Mahdi Alaihi Salam. Subjek memohon BNM menyediakan dokumen pengeluaran dan pelepasan dana untuk ditandatangani oleh Yang DiPertuan Agong dan Perdana Menteri bagi pembayaran kepada enam pihak termasuk Al-Basri Holding Sdn Bhd melalui akaun Bank Islam Berhad bernombor 12 065 01 004876 2 sebanyak USD13 000 000 000000.00

Surat Keempat 21/03/2017

Perkara : Pengeluaran dan Pelepasan Dana Absolute Beneficiary Tabung/Simpanan Harta Raja-Raja Melayu Islam Nusantara dan Pewaris Perbendaharaan Khalifah Al-Mahdi Alaihi Salam atau Malikul Muqsit

Kandungan : Subjek menyatakan kesediaan pihak Al Basri Holding Sdn Bhd untuk menerima dana yang dinyatakan melalui surat-surat terdahulu dan memohon supaya BNM dapat menegerakan pembayaran dana bagi menjalankan kerja-kerja yang diarahkan kepada mereka yang dinamakan sebagai Projek Angel Investment Equity 51/49. Subjek juga mengemukakan cadangan pengurusan dana melibatkan 12 projek dengan kos keseluruhan berjumlah RM947 412 000 000.00.

Tujuan laporan polis ini dibuat adalah supaya siasatan dijalankan oleh pihak Polis ke atas Al Basri Holding Sdn Bhd dan subjek bagi mencegah orang ramai daripada menjadi mangsa penipuan subjek memandangkan BNM tidak pernah terlibat dalam pengurusan dana yang dinyatakan. Oleh yang demikian, kandungan surat tersebut adalah tidak benar dan merupakan satu percubaan penipuan dengan memperdaya orang awam atas kepentingan tertentu. Penggunaan nama BNM, Raja-Raja Melayu dan Kerajaan Malaysia menyebabkan nama baik BNM, Raja-Raja Melayu dan Kerajaan Malaysia dilibatkan sama dalam penipuan yang dijalankan oleh Al Basri Holding Sdn Bhd dan subjek. Ini akan memberikan kesan buruk dan mencemarkan integriti dan nama BNM, Raja-Raja Melayu dan Kerajaan Malaysia.

Sekian sahaja laporan saya.

Tandatangan Pengadu:



Tandatangan Jurubahasa(Jika ada) :

Tandatangan Penerima Repot:



Salinan Repot Pertama